

18/06/2002

Kerajaan Pusat tidak halang hasrat Pas bentang hudud

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan Pusat tidak menghalang hasrat kerajaan Pas Terengganu membentangkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) pada mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dijadual 7 Julai ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagaimanapun berkata sebarang pelaksanaan terhadap undang-undang berkenaan perlu dibincang pada peringkat Kerajaan Pusat terlebih dulu.

Ini kerana pelaksanaan rang undang-undang itu bercanggah dengan undang-undang berkaitan jenayah yang diguna pakai ketika ini.

"Kerajaan Terengganu masih mahu bentangkan dan kita tak dapat menghalang. Tapi akhirnya, saya percaya perkara itu perlu dipertimbangkan...ia bercanggah.

"Kita hanya ada satu undang-undang yang berkaitan jenayah dan mengikut Perlembagaan, tentu sekali perkara itu akan terpaksa dibincang pada peringkat Pusat," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan seminar sehari `Aktivisme Pemegang Saham di Malaysia: Halatuju Masa Depan' anjuran Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (BPPSM) bersama Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini membidas kerajaan Pas Terengganu kerana cuba memperkenalkan undang-undang jenayah syariah itu tanpa mengendahkan peraturan.

Dr Mahathir berkata, draf undang-undang itu perlu dikemukakan kepada Kerajaan Pusat untuk diteliti Jabatan Peguam Negara terlebih dulu sama ada sesuai atau sebaliknya.

Bagaimanapun, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata rang undang-undang itu akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara selepas dibentangkan pada persidangan DUN.

(END)